

Nordin Kardi dilantik semula Naib Canselor UUM

ALOR SETAR 16 April – Tan Sri Dr. Nordin Kardi (**gambar**) dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) sehingga 15 Jun tahun depan.

Beliau memegang jawatan Naib Canselor UUM yang keenam pada Jun 2005 menggantikan Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Basri.

Nordin merupakan Presiden Persatuan Universiti Malaysia (AMU); Presiden Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia dan Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama).

Beliau juga baru-baru ini dilantik sebagai salah seorang Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk terus memimpin UUM.

“Terima kasih juga kepada seluruh warga



UUM di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan selama ini sehingga menjadikan universiti ini antara pusat pengajian tinggi yang semakin unggul,” kata beliau dalam kenyataannya di sini hari ini.

Nordin memperoleh ijazah dalam bidang ekonomi dan psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana dari Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang akademik sebagai Pegawai Tadbir di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1977 sebelum melanjutkan pelajaran ke University of Hull, England dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada 1985.

Pada tahun 1997, beliau dipinjamkan ke Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan menjadi antara perintis awal dalam memperkenalkan akreditasi kepada bidang sains sosial dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah Biro Tata negara pada 1999.